KENYATAAN MEDIA

Pengemaskinian: Pemulihan Perkhidmatan Dalam Talian AKPK

Untuk Penerbitan Segera

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ingin membuat pengemaskinian mengenai pencerobohan terhadap sistem ITnya baru-baru ini seperti yang dilaporkan dalam kenyataan awam kami bertarikh 30 Mac 2023. Sebagai sebahagian daripada pelan tindakan AKPK, kami memutuskan untuk mengalihkan beberapa sistem operasi kami ke luar talian untuk mengelakkan pendedahan kepada risiko selanjutnya. Kami kini mengesahkan bahawa semua portal dalam talian yang berkaitan dengan pelanggan AKPK telah dipulihkan sepenuhnya pada jam 12 tengah hari, Isnin, 22 Mei 2023 dan akan beroperasi dari jam 9 pagi hingga 9 malam buat sementara waktu agar AKPK dapat menjalankan penyenggaraan rutin bagi memperkukuh keselamatan sistem.

Pelanggan kini boleh mengakses perkhidmatan dalam talian AKPK menggunakan log masuk sedia ada tetapi perlu menukar kata laluan mereka sebagai langkah pencegahan.

Berikutan pencerobohan jenayah yang berniat jahat terhadap sistem IT AKPK, kami telah mengambil semua langkah yang sesuai dan yang diperlukan, dengan kerjasama pakar keselamatan siber, untuk memastikan integriti dan keselamatan sistem AKPK.

Setelah berunding dengan pakar keselamatan siber, kami telah memperkukuh infrastruktur yang penting dan melaksanakan langkah-langkah yang terperinci bagi mengurangkan risiko serangan pada masa hadapan. Langkah-langkah ini termasuk membina semula persekitaran IT yang baharu dalam platform yang selamat dan memasang perisian perlindungan yang terkemuka pada semua peranti dan pelayan.

Privasi dan keselamatan pelanggan ialah keutamaan nombor satu AKPK, dan kami akan terus berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan sistem keselamatan siber yang selaras dengan keperluan kerajaan Malaysia dan mengikut standard amalan global terbaik.

Kami mengutuk sekeras-kerasnya tindakan berniat jahat dan keji penjenayah siber yang menyasarkan AKPK, sebuah organisasi yang komited menyediakan perkhidmatan awam secara percuma kepada rakyat yang terjejas kewangan mereka.

Kami berterima kasih atas kesabaran dan sokongan anda sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Untuk bantuan lanjut, pelanggan boleh menghubungi talian khidmat pelanggan AKPK di 03 2616 7766 atau klik https://www.akpk.org.my/ms/branches untuk mencari cawangan AKPK terdekat.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
22 Mei 2023

MEDIA STATEMENT

Update: Restoration of AKPK's Online Services

For Immediate Release

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) is providing an update about the recent breach of its IT system as reported in our public statement dated 30 March 2023. As part of our action plan, we decided to take some of our operational systems offline to prevent the exposure to further risks. We can now confirm that all of AKPK's customer-facing online portals have been fully restored as of 12 noon on Monday, 22 May 2023 and will be in operation from 9 a.m. to 9 p.m. for the time being to allow AKPK to undertake routine maintenance and bolster security of the system.

Customers can now log in to AKPK's online services using their existing logins but are required to change their passwords as a preventive measure.

Following the malicious and criminal breach of our IT system, we took all appropriate and necessary measures and collaborated with cybersecurity experts to ensure the integrity and security of our system.

In consultation with leading cybersecurity experts, we have bolstered our critical infrastructure and implemented extensive measures to mitigate the risk of future attacks. These measures include rebuilding a completely new IT environment on a secure platform and installing leading protection software in all devices and servers.

The privacy and safety of our customers is AKPK's number one priority. We will continue to invest every effort into maintaining cybersecurity systems in line with the Malaysian government's requirements and global best practice standards.

We strongly condemn the malicious and despicable actions of these cybercriminals who have targeted AKPK, an organisation committed to providing free public services to financially vulnerable citizens.

We thank you for your patience and support during this difficult period.

For further assistance, customers can contact AKPK's dedicated call centre at 03 2616 7766 or visit https://www.akpk.org.my/branches to find the nearest AKPK branches.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
22 May 2023